

# Negeri Sembilan buka semula Taman Eko Rimba, Taman Negeri

Harian Metro 23/2/2021 M/s 19

**Seremban:** Kawasan Taman Eko Rimba dan Taman Negeri serta laluan pendakian bagi tujuan rekreasi di Hutan Simpanan Kekal Negeri Sembilan dibuka semula kepada pengunjung awam mulai Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan Saleh Awaluddin berkata, bagaimanapun semua aktiviti dan kehadiran pengunjung di kawasan berkenaan adalah tertakluk kepada pema-tuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita membuka kembali semua Taman Eko Rimba dan Taman Negeri selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) namun begitu semua aktiviti perlu mematuhi SOP ditetapkan," katanya di sini, semalam.

Sebelum ini, semua kawasan Hutan Lipur, Taman Negeri, laluan pendakian dan aktiviti bagi tujuan rekreasi, pacuan empat roda dan sebagainya di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan ditutup sepanjang tempoh Perintah



*Kita membuka kembali semua Taman Eko Rimba dan Taman Negeri selari dengan PKPB namun begitu semua aktiviti perlu mematuhi SOP ditetapkan"*

**Saleh Awaluddin**

Kawalan Pergerakan (PKP).

Keputusan itu dibuat selaras arahan MKN melalui Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 bagi membendung penularan Covid-19 di negara ini.

Saleh berkata, bagi mereka yang ingin memasuki kawasan hutan kekal, mereka perlu berdaftar dan mendapat permit daripada Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan terlebih dulu melalui dalam talian, sebagai langkah pemantauan.

"Tatacara pembayaran boleh diperolehi menerusi laman Facebook jabatan perhutanan negeri," katanya.